

Guru besar dijel 3 bulan, denda RM20,000 terima suapan



KHAIRUL AZIZI (dua dari kiri) didakwa salah guna jawatan untuk terima suapan di Mahkamah Sesyen Kuantan semalam.

KUANTAN – Seorang guru besar dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan salah guna jawatan untuk mendapat suapan lapan tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain turut memerintahkan tertuduh, Khairul Azizi Ab Aziz, 55, didenda RM20,000 atau penjara 12 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Khairul Azizi yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan (SK) Cherating, di sini menggunakan jawatannya sebelum ini sebagai Guru Penolong Kanan Kokurikulum untuk mendapat suapan

dengan mencadangkan kepada guru besar melantik syarikat milik isterinya.

Lantikan itu bagi perihal kerja bayaran peruntukan latihan Majlis Sukan Sekolah Pahang (MSSP) melibatkan sukan perahu layar bagi baucar bayaran pertama dan kedua masing-masing berjumlah RM1,200 dan RM700.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di SK Cherating, dekat sini, pada 19 Mac 2014 dan 15 Disember 2014.

Khairul Azizi yang kini bertugas sebagai guru besar didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di

bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama tidak lebih tempoh 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Siti Sarah Zainal Abidin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu Khairul Azizi memohon hukuman penjara dan denda dikurangkan atas alasan tidak mengetahui prosedur dan selain sudah berkhidmat selama 31 tahun dalam bidang pendidikan.

Dia juga menyara isteri dan dua orang anak yang sedang melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tempatan.